

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 5 JULAI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1267290/kerajaan-beri-tumpuan-keutamaan-penyasaran-subsidi-diesel-sehingga>

**Kerajaan beri tumpuan, keutamaan penyasaran subsidi diesel sehingga pelaksanaannya stabil, capai objektif**



Foto hiasan. - NSTP/WAN NABIL NASIR.

KUALA LUMPUR: Kerajaan memberi tumpuan dan keutamaan kepada penyasaran subsidi diesel sehingga pelaksanaannya stabil dan mencapai objektif ditetapkan, namun pada masa sama turut meneliti keperluan rasionalisasi subsidi ke atas petrol RON95.

Menurut Kementerian Ekonomi, inisiatif penyasaran subsidi bahan api yang dimulakan dengan subsidi diesel dijangka dapat memastikan kemampunan ekonomi negara dengan

mengurangkan ketirisan akibat aktiviti penyeludupan dan impak kepada kos sara hidup rakyat.

"Melalui pendekatan ini, penyasaran subsidi diesel dijangka menjana penjimatan sebanyak RM4 bilion dan dapat memberi ruang fiskal yang lebih luas kepada kerajaan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam," menurut kementerian itu.

Ia bagi menjawab soalan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera) di Dewan Rakyat semalam, yang mahu tahu bila subsidi bersasar akan dilaksanakan dan apakah mekanisme pelaksanaan terbabit.

Kementerian Ekonomi memaklumkan, berdasarkan tanggungan yang besar bagi subsidi bahan api sedia ada, terdapat keperluan untuk kerajaan menyasarkan semula subsidi berkenaan.

"Usaha itu juga dijangka dapat membantu negara mencapai sasaran defisit fiskal antara 3.5 peratus hingga 3.0 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menjelang 2025," katanya.

Kepada soalan berlaku pertindihan di antara program Pangkalan Data Utama (PADU) dan Program Bantuan Subsidi Madani (BUDI MADANI), ia menjelaskan, program yang sedang dilaksanakan saling berhubung kait dan mendokong matlamat kerajaan.

"Berdasarkan pendekatan keseluruhan kerajaan dalam merangka serta melaksanakan agenda pembangunan negara, program-program yang sedang dilaksanakan adalah saling berhubung kait dan mendokong matlamat kerajaan.

"Pada masa kini, PADU masih lagi dalam peringkat penambahbaikan dengan pengintegrasian data akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa," katanya.